

# MESYUARAT AGONG TABIKA PANGKALAN UDARA GONG KEDAK TAHUN 2018

[airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/3124-mesyuarat-agong-tabika-pangkalan-udara-gong-kedak-tahun-2018](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/3124-mesyuarat-agong-tabika-pangkalan-udara-gong-kedak-tahun-2018)

GONG KEDAK, 1 Mac 18 - Mesyuarat Agong Tabika telah diadakan di TABIKA Pangkalan Udara Gong Kedak yang dihadiri seramai 75 orang dimulakan dengan sesi pendaftaran ibubapa.

Mesyuarat Agong ini telah dirasmikan oleh Komander Pangkalan, YBhg Brig Jen Dato' Suhaimi bin Hussain TUDM. Turut hadir Pengerusi TABIKA PU Gong Kedak, Mej Mohd Azrol bin Hussin TUDM, Pegawai Pendidikan Pangkalan, Mej Nazira binti Abdullah, Pegawai KEMAS Daerah Besut, Puan Mansida binti Mat Kudin serta Ibumapa.

Mesyuarat Tahunan TABIKA telah dipengerusikan oleh Penolong Pengerusi TABIKA, Mej Nazira binti Abdullah. Antara agenda mesyuarat ialah meluluskan minit mesyuarat, pembentangan laporan kewangan oleh bendahari TABIKA serta membentangkan aktiviti-aktiviti TABIKA yang dijalankan sepanjang tahun 2017.

Selain itu, mesyuarat dijalankan adalah untuk pembubaran Ahli Jawatankuasa TABIKA yang lama dan melantik Ahli Jawatankuasa TABIKA yang baru bagi menerajui TABIKA pangkalan bagi tahun 2018 serta membentangkan perancangan dan pelaksanaan aktiviti-aktiviti TABIKA bagi tahun 2018.



